



## PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087-408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803

Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

#### PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR MELALUI KEMPEN PENANAMAN POKOK DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LABUAN, 15 Februari 2019 – YB Tuan Haji Khalid Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan bersama-sama komuniti Kampung Sungai Miri bergotong-royong menanam 150 benih pokok yang disumbangkan oleh Jabatan Landskap Negara di tepi pantai Kampung Sungai Miri. Dalam merealisasikan pulau Labuan sebagai sebuah bandar yang pintar dan mampan, pastinya semua prinsip-prinsip pembangunan mampan termasuk usaha pemeliharaan alam sekitar akan diterapkan sepertimana yang ditekankan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Labuan 2030.

Kempen Penanaman Pokok ini adalah selari dengan Pelan Strategik Perbadanan Labuan 2017-2021 dalam memantapkan perancangan pembangunan fizikal dan prasarana untuk kemampan persekitaran serta meningkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran ke arah menjadikan pulau yang bersih, selesa dan ceria. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan suasana persekitaran yang segar dan nyaman, memberi kesedaran bahawa memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak serta memupuk minat menanam pokok dan mencintai alam sekitar.

Penglibatan komuniti setempat, agensi kerajaan, sektor korporat dan swasta serta pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) adalah amat diharapkan dalam memberikan sokongan dan bantuan agar semua perancangan Kerajaan yang dilaksanakan dapat direalisasikan.

Program ini adalah sebagai salah satu usaha untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan dan tanggungjawab mengurus pemeliharaan serta pemuliharaan alam flora dengan sebaik-baiknya.

#### **Disediakan oleh:**

Jabatan Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Labuan

15 Februari 2019